



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI**
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives

KENYATAAN MEDIA

MEDAC METERAI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN PELAKSANAAN PROGRAM PEMBANGUNAN VENDOR DENGAN 24 SYARIKAT ANCHOR BAHARU DAN SEDIA ADA DI KALANGAN GLC DAN SYARIKAT BESAR TEMPATAN

Putrajaya, 18 Oktober 2021 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) telah mengadakan Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) di antara MEDAC dan 24 syarikat-syarikat Anchor baharu dan sedia ada di kalangan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan syarikat besar tempatan bagi pelaksanaan Program Pembangunan Vendor (PPV) di Putrajaya.

Ucapan Perasmian disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar dan Majlis turut disiarkan secara langsung di platform *Facebook* dan *You Tube* MEDAC.

Pertukaran MoU tersebut merupakan simbolik kepada kerjasama strategik antara Kerajaan yang diwakili oleh MEDAC, dengan pemain industri utama yang terdiri daripada 24 syarikat Anchor sedia ada dan baharu.

Enam (6) syarikat Anchor baharu yang menyertai PPV adalah Kumpulan Media Karangraf Sdn. Bhd., Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB), Aerodyne Group Sdn. Bhd., Sime Darby Berhad, UEM Sunrise Berhad dan Cement Industries of Malaysia Berhad (CIMA).

18 syarikat Anchor sedia ada PPV adalah Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS), Malaysia Airlines Berhad (MAS), Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), UMW Corporation Sdn. Bhd., Serba Dinamik Sdn. Bhd., Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (PERODUA), Telekom Malaysia (TM) Berhad,

Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Celcom Axiata Berhad (CELCOM), Pharmaniaga Logistics Sdn. Bhd., Duopharma Biotech Berhad, Sime Darby Plantation Berhad, Sime Darby Property Berhad, Boustead Heavy Industries Corporation Berhad (BHIC), Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (PROTON), Tenaga Nasional Berhad (TNB), UZMA Engineering Sdn. Bhd. dan Go Automobile Manufacturing Sdn. Bhd.

Dengan termetrainya enam (6) lagi MoU baharu pada kali ini, telah menjadikan bilangan keseluruhan Anchor kepada 24 syarikat dalam PPV melibatkan 1,200 vendor Bumiputera berdaftar di bawah Anchor masing-masing. Pemetaraan MoU ini adalah sebagai tanda komitmen pihak syarikat dalam membangunkan vendor Bumiputera selaras dengan Agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera serta dapat membantu Pelan Pemulihan Negara dalam situasi yang mencabar ini.

Dua (2) syarikat yang berpotensi menjadi Anchor PPV iaitu UEM Edgenta Berhad dan PLUS Berhad juga telah menyatakan komitmen mereka untuk menyertai dan menandatangani MoU ini pada tahun 2022.

Penglibatan Anchor adalah daripada 12 sektor iaitu automotif telekomunikasi, tenaga, minyak dan gas, pengangkutan, farmaseutikal, hartanah, perladangan, percetakan, teknologi dron, pembinaan dan perkhidmatan. Kementerian mensasarkan peluasan PPV kepada sektor-sektor berimpak tinggi termasuk aeroangkasa, rel, bioteknologi dan peranti perubatan.

Melalui penyertaan dalam PPV, syarikat vendor akan diberi bimbingan latihan, teknikal dan khidmat nasihat serta pembangunan penyelidikan melalui Program Pembangunan Kapasiti dan Keupayaan Vendor (PPKV) dan Geran Inovasi dan Pengkomersialan Vendor (GIPV) yang disediakan.

Manakala syarikat Anchor dapat menikmati Insentif Potongan Cukai Dua Kali (*double deduction tax incentive* – DDTI) bagi setiap perbelanjaan yang layak untuk membangunkan Vendor PPV di bawah Anchor masing-masing.

Kementerian berharap usaha ini akan dapat menarik lebih banyak penyertaan daripada pihak industri di kalangan syarikat GLC, *multinational companies* (MNC) dan syarikat besar tempatan yang lain untuk menjadi Anchor dalam PPV. Ini bertujuan untuk meneruskan kesinambungan Agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera dan mencapai objektif Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI